

24/06/2002

Fadzil Noor meninggal dunia

KUALA LUMPUR, Ahad - Presiden Pas yang juga Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor, 65, meninggal dunia di unit rawatan rapi Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) Cheras di sini hari ini.

Allahyarham disahkan meninggal dunia di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) pada jam 10.30 pagi akibat septisemia (jangkitan kuman pada darah) dan angin ahmar selepas menjalani pembedahan pintasan jantung di hospital itu, 10 Jun lalu.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri Datin Siti Khatijah Ibrahim, 58 dan lapan orang anak.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengetuai beberapa anggota Kabinet dan pemimpin daripada beberapa parti politik yang mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham, berada di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang untuk memberi penghormatan terakhir sebelum jenazah diterbangkan ke Alor Star dengan pesawat TUDM.

Pesawat Hercules C130 itu berlepas dari Pangkalan TUDM pada kira-kira jam 4.40 petang.

Setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat Alor Setar pada jam 5.40 petang, jenazah yang disambut kira-kira 2,000 orang dibawa ke Pusat Pendidikan PAS, Muassasah Darul Ulum, Pokok Sena dengan menggunakan ambulans Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Parlimen Pendang.

Jenazah tiba Muassasah jam 7 petang disambut oleh beribu-ribu penduduk tempatan yang mengakibatkan kesesakan lalu lintas dari Pekan Langgar ke Pokok Sena.

Jenazah dikebumikan di tanah perkuburan Muassasah itu selepas solat Maghrib.

Sebelum itu di HUKM, suasana sedih menyelubungi perkarangan HUKM, dipenuhi orang ramai yang ingin memberi penghormatan terakhir kepada pemimpin parti pembangkang itu.

Lalu lintas di HUKM juga sesak sehingga terpaksa dikawal oleh pengawal keselamatan hospital itu.

Orang ramai memenuhi ruang legar hospital dan sekitar bilik mayat sebelum beredar ke surau Al-Mustaqimah, Taman Jaya, Bandar Tun Razak, untuk sembahyang jenazah.

Jenazah dimandi dan dikapankan di HUKM sebelum disembahyangkan di surau Al-Mustaqimah. Sembahyang jenazah diadakan beberapa kali dengan diimamkan Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa dan anak sulung Allahyarham, Mohd Aiman.

Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, yang berada di sisi Allahyarham sejak malam semalam sehingga ke saat Allahyarham menghembuskan nafas terakhir turut membuat pengumuman kepada orang ramai di ruang legar mengenai masa dan tempat pengkebumian jenazah.

"Kita berdoa kepada Allah supaya roh beliau diterima di kalangan anbiya, mursalin, syuhada. InsyaAllah, jenazah Allahyarham akan disempurnakan di Muassasah Darul Ulum. Itu saja pengumuman yang ingin saya buat," katanya sambil disambut laungan Allahu Akbar sebanyak tiga kali oleh orang ramai yang berada di ruang legar HUKM.

Setiausaha Politik Allahyarham yang juga Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr Hatta Ramli berkata, isteri, anak-anak dan anggota keluarga terdekat Allahyarham turut berada di sisi ketika Allahyarham menghembuskan nafas terakhir.

Beliau berkata, Allahyarham mulai tenat malam semalam dan pakar perubatan berusaha sedaya upaya untuk menyelamatkan beliau.

Allahyarham menjalani pembedahan pintasan pembuluh jantung 10 Jun lalu hasil pemeriksaan perubatan di HUKM pada 6 Jun lalu. Sebelum itu, pada 10 Mei, Allahyarham dimasukkan ke Hospital Kuala Terengganu selepas mengadu sakit dada setibanya di Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

Sepanjang menjalani rawatan di situ, Allahyarham turut menerima kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Jun lalu manakala Abdullah berbuat demikian sehari sebelum itu.

Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibnu Al-Marhum Sultan Badlishah turut hadir di surau Al-Mustaqimah untuk memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham. Antara pemimpin kerajaan yang hadir ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan timbalannya, Datuk Khalid Yunus.

Pengerusi DAP, Lim Kit Siang dan anaknya, Lim Guan Eng turut hadir memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham.

Dengan kematian Ahli Parlimen Pendang dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Anak Bukit itu, dua pilihan raya kecil di kedua-dua kawasan terbabit dijangka diadakan. Fadzil memenangi kedua-dua kawasan Parlimen dan Dun itu pada pilihan raya umum 1999 masing-masing mengalahkan calon Barisan Nasional (BN) Othman Abdul dengan majoriti 1,961 undi dan Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin.

Mengikut perlembagaan, pilihan raya kecil perlu diadakan dalam tempoh 60 hari selepas kematian atau peletakan jawatan wakil rakyat di kawasan terbabit. Beberapa pemimpin Pas yang ditemui bagaimanapun enggan mengulas berhubung perkara itu.

Berdasarkan Perlembagaan Pas, kekosongan kerusi Presiden itu akan diisi oleh Timbalan Presiden parti. Sehubungan itu, Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang juga Menteri Besar Terengganu dijangka akan memegang jawatan itu.

Allahyarham dipilih sebagai Presiden Pas pada 1989 selepas memegang jawatan Timbalan Presiden selama enam tahun, sejak 1983.

Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Lim Si Cheng, ketika dihubungi berkata Ketua Pembangkang baru akan diputuskan oleh parti pembangkang dan dikemukakan kepada Parlimen untuk diluluskan.

Bagaimanapun, katanya, mengikut tradisi, jawatan itu disandang oleh parti yang mempunyai kerusi paling banyak di Parlimen.

(END)